

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 4 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L23775

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menambah baik Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 untuk menggalakkan lebih ramai orang melaporkan kegiatan-kegiatan rasuah. Sekiranya ya, nyatakan cadangan-cadangan penambahaikan tersebut.

2. PR-1531-L24371

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik 10 tahun terkini peratusan pekerja OKU dalam sektor Awam sejak diperkenal Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam kepada Orang Kurang Upaya (OKU) pada tahun 1988, dan apakah jenis-jenis cabaran yang dihadapi golongan ini sepanjang perkhidmatan mereka.

3. PR-1531-L23652

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perancangan dan tindakan lanjut Kerajaan dalam isu kemelut kemanusiaan di Palestin di mana kekejaman dan penderitaan terus memuncak.

4. PR-1531-L24052

**Dr. Siti Mastura binti Muhammad [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) jumlah kerugian akibat jenayah scammer dari tahun 2020 - 2023; dan

(b) tindakan pihak Kerajaan membanteras pihak scammer ini secara menyeluruh.

5. PR-1531-L23121

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah pemain yang diberi kewarganegaraan bagi mewakili Malaysia dalam Piala Asia baru-baru ini. Apakah usaha FAM untuk memajukan sukan bola sepak dan adakah dasar naturalisasi ini akan diteruskan pada masa akan datang.

6. PR-1531-L23994

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat meminda Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dengan meningkatkan hukuman bagi menangani masalah pemberi pinjam wang (PPW) yang berkelakuan seperti *Ah Long*.

7. PR-1531-L23572

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapa jumlah peniaga yang telah dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011 sepanjang tahun 2023, dan adakah akta ini masih relevan dalam keadaan semasa.

8. PR-1531-L23916

**Dato' Ahmad bin Saad @ Yahaya [ Pokok Sena ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini sesi urus Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) Untuk Menggubal Undang-undang Islam dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

9. PR-1531-L22935

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapa peratuskah kawasan berpenduduk di Parlimen Tanjong Manis yang telah menerima liputan telekomunikasi dan internet yang mencukupi dan stabil untuk memudahkan komunikasi dan menjalankan urusan harian secara *online*.

10. PR-1531-L23802

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah syarat dalam permohonan lesen bagi kelas (B penuh) untuk memastikan penunggang mampu mengendali motosikal berkuasa tinggi demi keselamatan semua pengguna jalan raya.

11. PR-1531-L23722

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kekerapan kawalan keselamatan dan aset pertahanan mengawal keselamatan di perairan utara-timur Sabah untuk meningkatkan keyakinan pelabur, laluan perdagangan, kawalan penyeludupan dan aktiviti haram serta jaminan keselamatan bagi explorasi di perairan Malaysia bahagian Sabah.

12. PR-1531-L23661

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan fungsi dan tindakan Syarikat J&T yang tidak menghantar barang pembelian daripada Shopee terus ke alamat pelanggan seperti mana dalam perjanjian jual beli secara atas talian dan caj penghantaran yang dikenakan kepada pelanggan.

13. PR-1531-L22919

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pencapaian terkini usaha-usaha yang dilaksanakan Kementerian bagi melonjakkan ekosistem *startup* negara dan mewujudkan syarikat-syarikat *startup* yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

14. PR-1531-L24344

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah boleh atas budi bicara membenarkan bas ekspres menurunkan pelajar-pelajar IPT berdekatan dengan IPT mereka atas faktor keselamatan dan penjimatan kos para pelajar terutamanya pada waktu malam.

15. PR-1531-L23183

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah isu persempadanan Malaysia di kawasan persempadanan Sabah dengan negara-negara jiran disekitarnya telah diselesaikan sepenuhnya atau belum. Jika belum, maka apakah langkah selanjutnya untuk memuktamadkan isu persempadanan antarabangsa ini yang telah sekian lama tidak selesai.

16. PR-1531-L23345

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan hak Sabah seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 termasuk penstruktur semula Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (JKMTPMA63).

17. PR-1531-L22900

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kelulusan untuk permohonan peruntukan bagi kerja penyelenggaraan taman awam Miri yang kini dalam keadaan usang dan banyak kerosakan.

18. PR-1531-L23942

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri serta Kementerian Ekonomi melihat potensi untuk diwujudkan 'intensifikasi - collaboration and co-creation' dalam usaha mengukuhkan pertumbuhan ekonomi khususnya Malaysia - Thailand - Vietnam.

19. PR-1531-L23028

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek Kompleks Sukan Kinabatangan yang telah disenarai untuk dilaksanakan oleh Kementerian antara tahun 2013 sehingga 2018.

20. PR-1531-L23818

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah jemaah Haji 1445H/2024M yang menolak subsidi Haji; dan
- (b) apakah klasifikasi dan daripada manakah sumber data yang digunakan oleh Tabung Haji bagi mengkelaskan kumpulan B40, kumpulan M40 dan kumpulan T20.

21. PR-1531-L23649

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan ruang lingkup dan peranan Kementerian dalam memacu pertumbuhan sektor digital negara serta manfaat kewujudan Kementerian baharu kepada rakyat.

22. PR-1531-L24343

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah wujud kajian dibuat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap berapa ramai umat Islam yang tidak bersolat dan langkah untuk mengatasinya.

23. PR-1531-L22742

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubal Akta Fixed Term Parliament bagi menghalang tindakan lompat parti yang boleh menggugat kestabilan politik di Malaysia.

24. PR-1531-L23790

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tujuan utama pemansuhan skim pencen kepada kakitangan Kerajaan lantikan baru, dan adakah dengan pemansuhan skim pencen akan mengakibatkan pengurangan permohonan pekerjaan di dalam sektor Kerajaan sekaligus memberi kesan kepada bidang kritikal.

25. PR-1531-L22887

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci isu pencen bagi penjawat awam.

26. PR-1531-L22885

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

(a) apakah rancangan untuk mengawal harga bahan mentah makanan di Sabah seperti telur gred C yang mencecah harga RM17 seapan; dan

(b) adakah terdapat inisiatif khusus atau langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan perbezaan dan ketidakseimbangan harga bahan mentah makanan di Sabah.

27. PR-1531-L23188

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini dan strategi menangani pelbagai isu terkait projek River of Life, dilancarkan pada 2011 dengan nilai dianggarkan RM4.4 billion merentasi kawasan seluas 781 hektar termasuk Ampang seperti peruntukan RM25 juta dijanjikan buat Selangor dan tanggungjawab mengorek mendapan dasar sungai.

28. PR-1531-L23894

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status keadaan semasa pembinaan masjid terapung dalam Parlimen Jerai, kos semasa dan jangkaan siap serta apakah relevannya dengan kawasan sekitar daripada segi penggunaan imarahnya.

29. PR-1531-L22985

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) dalam memperluas dan menyegerakan projek Bitara Madani.

30. PR-1531-L24284

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah isi kandungan Laporan Negara mengenai Situasi Hak Asasi Manusia di Malaysia yang telah dibentangkan di Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland pada 25 Januari lalu.

31. PR-1531-L24023

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha atau tindakan yang dilakukan bagi mengatasi masalah yang melibatkan 26,000 unit kediaman siap dibina yang tidak terjual atau *overhang* dan juga langkah meningkatkan penjualan rumah tersebut terutama yang melibatkan rumah berharga RM500,000 ke atas yang telah siap dibina.

32. PR-1531-L23401

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah hala tuju NFDP peringkat akar umbi memandangkan FAM pada hari ini sudah mula fokus kepada pemain naturalisasi dan warisan.

33. PR-1531-L22983

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan perkembangan atau status terkini bagi cadangan meneliti keperluan meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi melindungi golongan wanita dan kanak-kanak terdedah pada serangan seksual di dunia maya.

34. PR-1531-L24330

**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) berapa kadar peratusan peningkatan harga barang dan bahan-bahan keperluan asas makanan semenjak tahun 2023 berbanding sebelumnya; dan

- (b) nyatakan usaha Kementerian dalam mengatasi dan mengembalikan semula harga pada paras yang tidak membebankan rakyat, dan persiapan Kementerian mendepani kesan tidak langsung peningkatan harga barang makanan akibat kenaikan cukai servis sebanyak 8% .
35. PR-1531-L23494  
**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan secara terperinci (*due diligence*) berhubung cadangan pemansuhan skim pencen secara komprehensif serta apakah implikasi yang terlibat.
36. PR-1531-L22940  
**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendekatan dan mekanisme yang dirancang Kerajaan dalam menambah baik skim pencen penjawat awam selain daripada memansuhkan skim ini yang bertujuan mengurangkan tanggungan fiskal negara memandangkan ia termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.
37. PR-1531-L24248  
**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah perkembangan siasatan SPRM terhadap dakwaan Perikatan Nasional menerima dana judi yang digunakan dalam kempen Pilihan Raya Umum ke 15 yang lalu.
38. PR-1531-L22901  
**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan kelulusan projek menaik taraf Lapangan Terbang Miri yang telah dipohon oleh Kementerian Pengangkutan.
39. PR-1531-L23695  
**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hala tuju Pelan Tindakan Strategik LTAT MAMPAN25 selepas pertukaran Menteri Pertahanan dan perletakan jawatan CEO LTAT Datuk Ahmad Nazim.

40. PR-1531-L23889

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk turut memohon diangkat pencalonan bagi kampung selain daripada tujuh kampung baru sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO).

41. PR-1531-L23976

**Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apa rasionalnya beliau dilantik sebagai jurucakap Kerajaan dan adakah ini petanda bahawa Perdana Menteri tidak percaya kepada kewibawaan jemaah Menteri yang lain untuk bersuara mewakili Kerajaan.

42. PR-1531-L22824

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelenggara sistem saliran dan longkang-longkang di sekitar kawasan Klang secara lebih kerap yang sering menjadi punca kepada banjir kilat.

43. PR-1531-L23369

**Dato' Khilir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menentukan individu-individu yang mencuri duit rakyat dalam projek-projek melibatkan anak-anak Syarikat LTAT dibawa ke muka pengadilan.

44. PR-1531-L23155

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk meluluskan pembiayaan awam bagi parti-parti politik.

45. PR-1531-L22802

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] khususnya Jadual G, H, I & J bagi mensyaratkan unit kediaman termasuk kos rendah dan sederhana rendah perlu dihuni oleh pemilik sahaja. Jika ada, apakah status pindaan terhadap Akta 118 tersebut.

46. PR-1531-L22891

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah usaha daripada Kementerian untuk meningkatkan liputan internet di kawasan Parlimen Serian yang masih lemah.

47. PR-1531-L22874

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes mahkamah sivil yang tertunggak di setiap negeri mengikut bilangan tahun tertunggak dan adakah Kerajaan mempertimbangkan perkhidmatan para hakim dari negeri berbeza untuk membantu menyelesaikan kes yang tertunggak secara dalam talian di negeri-negeri yang mempunyai tunggakkan kes yang tinggi.

48. PR-1531-L23134

**Datuk Seri Utama Hasni bin Mohammad [ Simpang Renggam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cabaran Kerajaan dalam meneliti cadangan Akta Parlimen Berpenggal Tetap (APBT) demi memperkasakan institusi Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

49. PR-1531-L23310

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura yang dianggarkan menelan belanja RM100 bilion tanpa penglibatan Kerajaan wajar dilaksanakan dari segi ekonomi. Adakah Kerajaan akan menjamin pinjaman untuk projek HSR itu.

50. PR-1531-L23400

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan jangka masa pendek dan panjang usaha penarafan Kampung Cina sebagai Tapak Warisan UNESCO.

51. PR-1531-L24362

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan situasi terkini kes Pandora Papers. Adakah nama-nama yang terlibat dalam siasatan hanya untuk mereka yang bertentangan dengan Kerajaan sahaja diambil tindakan. Sekiranya tidak, apakah justifikasi siasatan untuk nama-nama individu lain dalam Pandora Papers kerana telah menjadi perhatian umum.

52. PR-1531-L23153

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan kerajaan untuk menilai semula proses pelantikan awam bagi Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

53. PR-1531-L23656

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengeluarkan kelulusan khas untuk kapal kargo/kontena yang membawa barang import secara terus masuk ke Pelabuhan Labuan daripada *port of origin* sebagai contoh dari Singapura dan China; dan
- (b) kebenaran khas kapal kargo/kontena membuat hentian sekurang-kurangnya 1 hentian sebelum kembali ke negara asal.

54. PR-1531-L22846

**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek taman rekreasi dan lanskap yang telah dilaksanakan di Sarawak bagi tempoh 2020-2023 dan jumlah peruntukan bagi membina dan menyelenggara projek tersebut bagi tempoh yang sama.

55. PR-1531-L24369

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik terkini tanah pertanian seperti sawah padi, tanaman kontan serta tanah kelapa sawit yang telah ditukar status kepada pembangunan.

56. PR-1531-L23138

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan lawatan sambil belajar yang telah dijalankan pada tahun 2022 oleh pejabat Menteri serta hasil lawatan tersebut.

57. PR-1531-L23447

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pelan pelupusan 9 buah kenderaan perisai 4 x 4 IAG Guardian yang sebelum ini telah dibekalkan kepada Kontinjen Malbatt di Lubnan pada tahun 2018 namun tidak memenuhi spesifikasi keselamatan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hingga menyebabkan ia terpaksa digantikan dengan kereta perisai jenis 4 x 4 Panthera dari Turkiye bermula tahun ini.

58. PR-1531-L23207

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab beliau enggan mengambil gaji dan emolumen bulanan sejak mula bertugas.

59. PR-1531-L24045

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) apakah bentuk model yang dijadikan rujukan dalam cadangan yang dibangkitkan oleh Timbalan Perdana Menteri berhubung penggal tetap Parlimen; dan
- (b) apakah garis masa pelaksanaan termasuk kajian terperinci dan sesi libat urus bagi tujuan menggubal undang-undang atau Akta berkaitan Parlimen Berpenggal Tetap.

60. PR-1531-L22854

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan kesiapsiagaan Kementerian terhadap jangkaan kenaikan paras harga ayam di pasaran tempatan susulan kenaikan kadar tarif air di seluruh negara dan apakah strategi Kementerian bagi memastikan harga ayam kekal stabil terutama menjelang musim perayaan.

61. PR-1531-L23949

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membantu penjawat awam terutama anggota keselamatan yang berpangkat rendah dengan membina lebih banyak lagi perumahan awam Kerajaan terutama untuk anggota tentera dan polis yang tinggal dan bekerja di bandar-bandar utama negara.

62. PR-1531-L23794

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perincian mengenai cadangan meneruskan semula pembinaan lima stesen Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) yang telah dibatalkan sebelum ini termasuk pecahan kos sebanyak RM4.7 bilion.

63. PR-1531-L23030

**Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jangkaan bilakah kenaikan gaji penjawat awam dan pencen pesara Kerajaan dapat dilaksanakan.

64. PR-1531-L24037

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah garis panduan, kriteria dan syarat yang lazimnya dipertimbangkan dalam sesuatu petisyen permohonan pengampunan banduan yang dikemukakan kepada Lembaga Pengampunan mengikut undang-undang.

65. PR-1531-L23019

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pelaksanaan inisiatif Dana Komuniti Madani berjumlah RM1 bilion dan apakah mekanisme yang akan digunakan bagi mengelakkan sebarang pertindihan program dengan agensi yang lain.

66. PR-1531-L24331

**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha penyelesaian antara Kerajaan (G to G) dalam memastikan kes pencerobohan serius kapal perang dan kapal nelayan negara China tidak berulang di perairan Malaysia yang menggugat hak dan kedaulatan negara kita.

67. PR-1531-L23687

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah komposisi jawatankuasa pengurusan dan bantuan bencana daerah dan bagaimanakah kerjasama yang dapat dimainkan oleh Ahli Parlimen bagi melancarkan pemberian bantuan serta berapakah jumlah peruntukan mangsa bencana yang telah disalurkan kepada Parlimen Mas Gading dari 2019 sehingga 2023.

68. PR-1531-L23148

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kerajaan bagi menaik taraf kualiti sukan bolasepak negara. Dicadangkan agar atlet kebangsaan diberikan lebih banyak latihan-latihan khas serta pendedahan di luar negara supaya bakat mereka dapat digilap dengan lebih pantas lagi dan ia tidaklah tertumpu kepada sukan bola sepak sahaja.

69. PR-1531-L23620

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bantuan dan dana yang disediakan oleh Kementerian bagi kerja-kerja baikpulih dan pembinaan tokong-tokong Cina dan berapakah peruntukan yang telah disalurkan untuk tokong-tokong di Parlimen Lubok Antu.

70. PR-1531-L23854

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi [ Kuala Kedah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan peranan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dalam menangani isu pencerobohan data peribadi pengguna yang digunakan oleh penjenayah scam bagi memerangkap mangsanya.

71. PR-1531-L22914

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perkembangan projek rintis bagi menguji sistem MySubsidi Diesel dan sistem *fleet card* syarikat minyak dan sejauh manakah sesi libat urus telah dilaksanakan dalam memberi pendedahan kepada syarikat perintis dan syarikat minyak tentang panduan memohon kuota dan pelaporan menggunakan sistem ini.

72. PR-1531-L23975

**Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan :-

- (a) sejauh manakah keberkesanan peranan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) ; dan
- (b) senarai terperinci aktiviti J-KOM sepanjang 2023 dan kos setiap aktiviti dan berapa jumlah kakitangan lantikan politik dan bagaimana proses lantikan dibuat.

73. PR-1531-L23165

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian dan dasar terkini Malaysia terhadap risiko ketegangan malah persengketaan diplomatik dengan negara jiran akibat tuntutan hak maritim dan kedaulatan bertindih ke atas kepulauan tidak berpenghuni seperti Spratlys dan Paracel di Laut China Selatan bahkan pencerobohan kontroversial terutama oleh China .

74. PR-1531-L22926

**Tuan Lee Chuan How [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah dasar, halatuju dan inisiatif Kerajaan dalam mempercepat peralihan tenaga boleh bahu bagi industri pengangkutan awam dan logistik, khususnya berkenaan prasarana pengecasan dan penggantian bateri (*battery swapping*).

75. PR-1531-L23137

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penggubalan Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen.

76. PR-1531-L23826

**Tuan Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan dapat menjamin pemansuhan skim pencen terhadap perjawatan baru penjawat awam tidak akan menjelaskan aspek pengambilan dan pengekalan kakitangan di sektor-sektor kritikal seperti sektor keselamatan, kesihatan dan pendidikan.

77. PR-1531-L22783

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pengangkutan awam di negara masih mempunyai cabarannya seperti kadar penumpang yang masih tidak memuaskan dan sambungan pengangkutan awam yang masih kekurangan seperti "*first and last mile connectivity*". Justeru, apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini.

78. PR-1531-L23897

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan konsert yang diadakan di seluruh negara agar tidak berlaku kenyataan-kenyataan yang menyanggah penguasa agama.

79. PR-1531-L23172

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah Malaysia untuk memberi sokongan kepada kes Afrika Selatan terhadap Israel di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) termasuk menghantar khidmat peguam Malaysia bagi kes tersebut.

80. PR-1531-L23018

**Puan Isnaraissah Munirah Majilis [ Kota Belud ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membantu hasrat Sabah untuk membina sebuah pelabuhan baharu di Kudat dan adakah kajian dan gerak kerja telah dibuat oleh Kementerian mengenai cadangan ini.

81. PR-1531-L22872

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memastikan kelancaran perancangan bandar dengan mengambil maklum kepadatan penduduk serta kemudahan awam seperti sekolah dan klinik kesihatan.

82. PR-1531-L22917

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan penuh berhubung cadangan pemansuhan skim pencen bagi penjawat awam baharu, termasuk dalam konteks beban hutang negara dan implikasi kewangan supaya skim pencen sedia ada tidak akan menjadi 'bom jangka' yang merosakkan kewangan negara.

83. PR-1531-L22958

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada sudut kewangan dan manfaat kepada negara terhadap cadangan Kerajaan untuk membatalkan skim saraan pencen bagi lantikan baharu ke dalam sektor awam.

84. PR-1531-L24065

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah diberikan kepada ahli Parlimen Kerajaan sepanjang 2023 dan menyatakan perincian daripada peruntukan tersebut.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas."

**Menyambung semula perbahasan atas masalah (29 Februari 2024)**

2. ( D.R 38/2023 ) Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam **Bacaan Kali Yang Kedua** Perkara Jenayah (Pindaan) 2023

**[ Perdana Menteri ]**

3. ( D.R 41/2023 ) Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 "

**[ Perdana Menteri ]**

4. ( D.R 39/2023 ) Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 "

**[ Menteri Pendidikan Tinggi ]**

5. ( D.R 37/2023 ) Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 "

**[ Menteri Kerja Raya ]**

6. ( D.R 35/2023 ) Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 "

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

7. ( D.R 1/2024 ) Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 "

**[ Menteri Kewangan ]**

8. ( D.R 2/2024 ) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**

9. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

10. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

11. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

## 13. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

## 14. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

#### **[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

15. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

#### **[ Menteri Kewangan ]**

16. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

17. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

**[ Menteri Pertahanan ]**

18. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyeferakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

19. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

#### [ Menteri Komunikasi ]

20. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

#### [ Menteri Pengangkutan ]

21. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

22. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

23. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa kecinciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu- bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 12	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN Perintah Negeri-Negeri Borneo (Kuasa-Kuasa Perundangan) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 393/2023 diwartakan pada 27 Disember 2023	4 Mac 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
04.03.2024 ( Isnin )	1. YB Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)	1. Peruntukan Penjagaan Kanak-Kanak yang Memerlukan Rawatan Paliatif Pediatik (RPP)  2. Status Permohonan Kewarganegaraan Puan Joginder Kaur	1. YB Menteri Kesihatan  2. YB Menteri Dalam Negeri
	2. YB Tuan Wan Razali bin Wan Nor (Kuantan)	3. Masalah Saliran Sekitar Kuantan  4. Masalah Tekanan Air Rendah di Kuantan	3. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air  4. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**